

POLISI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Polisi Perlindungan Data Peribadi ini dikeluarkan kepada pelanggan yang sedia ada, pelanggan baru dan/atau bakal pelanggan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta") yang berkuat kuasa pada 15 November 2013.

1. Pengumpulan Data Peribadi

Apabila anda berurusan dengan Pathology & Clinical Laboratory (M) Sdn Bhd dan cawangan-cawangannya ("Pathlab"), kami akan meminta anda untuk menyediakan data dan maklumat mengenai diri anda ("Data Peribadi") secara sukarela untuk membolehkan kami menghantar sebarang notis, perkhidmatan dan/atau produk yang berkaitan dengan , pelancaran dan promosi produk baru dengan rakan kongsi perniagaan & syarikat bersekutu.

2. Skop Data Peribadi

Data Peribadi secara amnya merangkumi , maklumat mengenai nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat, jantina, bangsa, warganegara, alamat yang boleh dihubungi, alamat e-mel, pendidikan, pekerjaan, telefon atau nombor faks, alamat anda sebelum ini dan mod pilihan komunikasi, agama, butiran kad kredit, nama bank dan maklumat lain yang dibenarkan oleh undang-undang

3. Tujuan

Data peribadi yang dikumpulkan, akan diproses dan digunakan bagi tujuan berikut:

- a. Untuk menghantar maklumat melalui e-mel, panggilan telefon, SMS atau aplikasi rangkaian sosial atau internet media sosial tentang produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pathlab dan pihak ketiga di mana ianya dapat menarik minat anda, sementara kami mengekalkan kawalan ke atas Data Peribadi anda;
- b. Penyampaian notis, perkhidmatan atau produk dan pemasaran perkhidmatan atau produk sama ada terkini atau pada masa hadapan kepada anda.
- c. Aktiviti profil pemasaran dan pelanggan mengenai promosi terkini, produk dan / atau perkhidmatan;
- d. Penyimpanan rekod dalaman dan penyelenggaraan rekod pelanggan;
- e. Mematuhi mana-mana undang-undang atau peraturan; dan/atau
- f. Sebarang urusniaga secara dagangan berkaitan dengan sebarang promosi, produk dan / atau perkhidmatan.

4. Sumber

Data Peribadi akan diperoleh secara sah dan telus dengan cara berikut:

- a. Borang pendaftaran rasmi (sama ada elektronik atau cetakan) atau mana-mana promosi yang lain;
- b. Permintaan rasmi menerusi Borang Maklumat yang dibekalkan kepada anda oleh pekerja atau ejen kami;
- c. Sebarang e-mel atau surat-menjurat yang kami terima daripada anda semasa meminta maklumat atau mengemukakan sebarang pertanyaan;
- d. Sebarang bentuk borang yang dihantar ke laman web kami atau mana-mana laman web yang dilantik oleh kami;
- e. Sebarang rujukan dari seseorang yang telah disahkan butiran peribadi dan alamat yang boleh kami hubungi;
- f. Kad perniagaan yang dihantarkan atau diberi kepada pekerja, klinik dan hospital atau rakanniaga; dan/atau
- g. Sebarang dokumen (termasuk tetapi tidak terhad kepada bentuk berkanun dan pulangan) yang telah dihantar kepada kami untuk pemprosesan.

5. Hak akses

Anda mempunyai hak untuk memohon akses dan sekiranya ia diperlukan, untuk meminda pembetulan terhadap Data Peribadi anda dalam rekod kami. Anda mempunyai hak untuk:

- a. Memohon akses kepada Data Peribadi anda di dalam rekod kami untuk tujuan pengesahan. Anda boleh mengakses dan mengkaji semula semua data peribadi yang disimpan oleh kami di pejabat korporat yang terletak di alamat yang diberikan dalam (g) di bawah;
- b. Memohon membuat pembetulan terhadap Data Peribadi anda dalam rekod kami sekiranya maklumat tidak tepat, mengelirukan, maklumat luput atau tidak lengkap selepas pengesahan dan pengesahan maklumat baru yang dibuat oleh anda sendiri di pejabat- korporat yang terletak di alamat yang diberikan dalam (g) di bawah;
- c. Memohon Data Peribadi anda digunakan untuk memenuhi tujuan pengumpulan maklumat sahaja;
- d. Memohon pembuktian polisi dan prosedur berhubung dengan pemeliharaan dan jaminan Data Peribadi anda dalam rekod kami;
- e. Memohon penjelasan p secara spesifik atau penerangan dasar-dasar dan prosedur berhubung dengan data dan jenis data peribadi yang dikendalikan oleh kami; dan

f. Anda boleh mengemukakan bantahan bertulis kepada kami sekiranya anda tidak bersetuju untuk Pathlab menggunakan Data Peribadi anda untuk maksud pemasaran dengan menghubungi kami di alamat pejabat korporat yang dinyatakan dalam (g) di bawah

g. Jika anda ingin memohon untuk tujuan akses, mengkaji semula, meminda dan membetulkan Data peribadi, sila rujuk alamat di bawah:

Database Department
Pathology & Clinical Laboratory (M) Sdn Bhd
Wisma KAM, 87-91, Jalan SS 25/2
Taman Bukit Emas,
47301 Petaling Jaya,
Selangor
Tel : 03-78098171/8172
Fax : 03-78805687
Email : database@pathlab.com.my

6. Pendedahan

Maklumat yang kami kumpul mungkin digunakan untuk tujuan berikut:

- a. Syarikat dan/atau anak-anak syarikat Pathlab berkaitan, termasuk yang ditubuhkan pada masa hadapan;
- b. Rakan perniagaan dan sekutu yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan atau produk berkaitan dengan perniagaan kami;
- c. Juruaudit, perunding, peguam, akauntan atau lain-lain penasihat kewangan atau profesional yang dilantik berhubung dengan perniagaan kami;
- d. Pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami, syarikat-syarikat pengurusan pihak ketiga, sub-kontraktor atau pihak-pihak lain yang dianggap perlu oleh kami untuk memudahkan urusan anda dengan kami; dan/atau
- e. Pembekal perkhidmatan yang dilantik kami selaras dengan program-program kesetiaan, untuk tujuan penghantaran dan perkhidmatan penebusan hadiah.

Pihak ketiga juga tertakluk kepada undang –undang semasa tugas untuk memproses Data Peribadi anda selaras dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan oleh Pathlab. Pihak ketiga juga secara sah bertanggungjawab untuk mendapatkan Data Peribadi anda pada tahap keselamatan yang sesuai berhubung dengan undang-undang perlindungan data yang berkenaan dan piawaian industri yang diterima secara meluas.

Anda boleh menarik balik, sepenuhnya atau sebahagiannya , persetujuan pemprosesan yang diberikan sebelum ini pada bila-bila masa, dalam setiap kes tertakluk kepada apa-apa sekatan

undang-undang, syarat-syarat kontrak dan tempoh masa yang munasabah secara kendiridi pejabat korporat yang terletak di alamat yang diberikan di 5 (g) di atas.

7. Had Pemprosesan Data Peribadi

Data Peribadi yang diberikan kepada kami akan diproses apabila dikehendaki atau ketika penyenggaraan berjadual. Definisi pemprosesan mentakrifkannya sebagai "apa-apa pengendalian atau set operasi yang dilakukan ke atas data peribadi, sama ada dengan cara automatik, seperti pengumpulan, menyusun, menyimpan, menyesuaikan atau mengubah, mendapatkan kembali, merunding, menggunakan, mendedahkan menerusi penghantaran, penyebaran atau selainnya, menyediakan, menjajarkan atau menggabungkan, memadamkan atau memusnahkan "

Anda mempunyai hak untuk mengehadkan, sebahagiannya atau keseluruhannya, mana-mana proses di mana data anda adalah tertakluk kepada kebenaran operasi apabila ia dilakukan, tempoh masa yang dibenarkan atau sebagai alternatif tarikh tamat keizinan yang diberikan.

Pathlab bertanggungjawab untuk menentukan tujuan dan kaedah pemprosesan Data Peribadi.

8. Kegagalan / Keengganan

Data Peribadi yang diberikan kepada kami adalah kesemuanya bersifat sukarela dan anda tidak berada di bawah apa-apa obligasi atau paksaan untuk berbuat demikian. Kegagalan untuk memberi Data Peribadi mungkin akan menyebabkan yang berikut, yang mana kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripadanya:

- a. Ketidakupayaan kami untuk menyediakan anda dengan keputusan ujian, notis, perkhidmatan dan / atau produk yang diminta;
- b. Ketidakupayaan kami untuk mengemaskinikan anda dengan produk terbaru dan / atau pelancaran; dan/atau
- c. Ketidakupayaan untuk mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, oleh undang-undang, garis panduan dan / atau kod yang bersesuaian dengan kami.

9. Perlindungan

Data peribadi anda akan disimpan dan diproses dengan cara yang selamat. Perlindungan pentadbiran dan keselamatan yang sesuai, polisi dan prosedur akan dilaksanakan, sehingga yang dapat dilaksanakan, mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kami akan, sehingga yang dapat dilaksanakan, mencuba untuk menghalang mana-mana pemprosesan yang tidak sah dan/atau menyalahi undang-undang, dan kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan dan kemusnahan yang tidak dibenarkan kepada Data Peribadi anda.

Pathlab komited untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai secara teknikal, fizikal dan organisasi untuk melindungi Data Peribadi anda terhadap akses yang tidak dibenarkan,

pemprosesan yang menyalahi undang-undang, kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan, dan kemusnahan yang tidak dibenarkan.

Peruntukan ini perlu di patuhi bagi semua pentadbir pihak ketiga yang boleh mengakses Data Peribadi anda, seperti yang dinyatakan dalam 'Pendedahan Data Peribadi' dalam Seksyen 6 di atas.

10. Bahasa

Mengikut Seksyen 7 (3) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Polisi ini adalah dikeluarkan dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris Polisi ini hendaklah diguna pakai.

11. Pindaan Dasar

Pathlab mungkin perlu mengubah suai Polisi Data Peribadi seperti yang diperlukan, sebagai contoh, untuk mematuhi perubahan dalam operasi perniagaan atau undang-undang dan peraturan-peraturan. Pathlab akan mencatat semua perubahan kepada polisi ini.